

31 OCT 1996

Ling-Maritim

JERMAN AKAN MEMBANTU MELATIH PENGAWAL TRAFIK MARITIM

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Negeri Jerman hari ini menawarkan diri untuk melatih rakyat Malaysia dalam skim pengasingan trafik menggunakan radar bagi meningkatkan lagi kawalan trafik dan pencegahan pencemaran di Selat Melaka, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata, kerajaan sedia menimbangkan tawaran itu kerana selat itu merupakan sumber utama makanan laut dan juga sumber pendapatan daripada pelancongan kepada negara.

"Perkara itu akan dikaji lagi untuk memastikan bidang latihan dan keperluan kita," kata Dr Ling kepada pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Pengangkutan Persekutuan dari Jerman, Matthias Wissmann di pejabatnya di sini.

Semasa pertemuan satu jam itu, beliau berkata Jerman juga menawarkan diri untuk menyertai konsortium yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membiayai projek Landasan Keretapi Trans Asia.

Dr Ling yang baru pulang dari New Delhi awal hari ini selepas mempengerusikan Persidangan Infrastruktur Dunia-Asia berkata, cadangan Landasan Keretapi Trans-Asia menghubungkan Eropah menerima sokongan daripada kesemua 42 negara yang menyertainya.

Beliau berkata, kepentingan hubungan darat bagi memudahkan pergerakan kenderaan, barangan dan penumpang merentasi tanah besar Asia menerima perhatian.

Kajian lanjut diperlukan di koridor selatan kerana ketiadaan hubungan di beberapa bahagian, seperti antara Thailand ke Myanmar dan di Afghanistan, kata Dr Ling.

Persidangan tiga hari itu diadakan di bawah naungan Suruhanjaya Ekonomi dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Escap) untuk membincangkan langkah-langkah memperbaiki dan mempercepatkan pembangunan infrastruktur di Asia.

Beberapa inisiatif dilancarkan untuk memulakan pembangunan infrastruktur. Ini termasuk Pelan Tindakan New Delhi Mengenai Infrastruktur (1997-2006) dan pelancaran Gabungan Pembangunan Infrastruktur Asia (Aida).

Mengenai cadangan hubungan keretapi Trans-Asia dari Singapura ke Kuning, Dr Ling berkata mesyuarat pakar-pakar antara semua negara terbabit akan diadakan di sini pada Disember untuk membincangkan pembangunan. --

BERNAMA

YBK PR